


NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sebutir lagi pingat iktiraf khidmat bakti Sheik

Berita Harian, 11 August 2000, Page 25

 Article also available on Microfilm Reel NL21999

Printer-Friendly Page

Sebutir lagi pingat iktiraf khidmat bakti Sheik

'Anugerah PBM penghargaan buat masyarakat pesilat'

SILAT OLEH YUSOFF A. RAHMAN

[^ Scroll to Top](#)

DI GELANGGANG antarabangsa, beliau memenangi 10 pingat emas. Di gelanggang setempat, beliau menggondol 13 pingat emas.

Sejak 1987, beliau sering mengharumkan nama negara. Kemuncak pembabitannya dalam sukan silat, Sheik Alauddin Yaacob telah memenangi Anugerah Jurulatih Terbaik 1999.

Tetapi penghargaan yang diterima oleh Sheik ti-

dak berakhir di situ.

Sheik, yang kini menjadi Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Perisil) adalah antara dua ahli sukan yang menerima Pingat Bakti Masyarakat (PBM) sempena anugerah Hari Kebangsaan.

Seorang lagi ialah pemain hoki wanita, Melanie Martens.

Tetapi Sheik tidak terkejut dengan penghargaan negara itu kerana Majlis Sukan Singapura (SSC) yang membuat pencalonan tersebut.

“Jika SSC yang membuat saranan, saya menaruh keyakinan saranan itu akan diterima.

“Sebab sebelum ini, saya juga pernah menerima Anugerah Belia Nasional pada 1997, juga hasil pencalonan SSC,” kata Sheik, 33 tahun.

Seorang jurucakap SSC mengesahkan bahawa SSC yang membuat pencalonan Sheik berdasarkan kepada pencapaiannya dalam sukan tersebut.

“Pingat ini adalah satu penghargaan bukan sahaja

kepada saya, bahkan kepada masyarakat pesilat setempat.

“Saya berpendapat pesilat-pesilat lain juga boleh menerima penghargaan ini jika mereka sedia bekerja keras untuk mengharumkan negara dalam sukan ini.

“Selain itu, mereka juga tidak harus lupa untuk terus membantu mengembangkan sukan ini dan bergiat cergas dalam kerja-kerja amal,” Sheik memberitahu.

Menjelaskan tentang kejayaan penting sepanjang kerjayanya sebagai pesilat,

Sheik berkata beliau telah memenangi pingat emas Kejohanan Silat Sedunia sebanyak dua kali dengan pertama kali di Belanda pada 1990.

“Selain itu, saya juga telah memenangi dua pingat emas dalam Kejohanan Silat Undangan Antarabangsa.

“Saya juga telah memenangi tiga pingat emas dalam Sukan SEA,” sambung beliau.


Walaupun Sheik mengakui gembira dengan penghargaan terbarunya itu, namun sebagai pesilat beliau tetap terkilan kerana gagal memenangi Anugerah

Olahragawan Terbaik.

“Jika tidak silap, saya telah dicalonkan sebanyak enam kali tetapi sekali sahaja saya sekadar memenangi Anugerah Penghargaan.

“Oleh kerana kini saya tidak lagi aktif sebagai pesilat, saya tidak akan mempunyai peluang itu lagi. Kecuali jika saya ingin kembali aktif dengan menyertai Kejohanan Silat Sedunia di Jakarta pada November ini.

“Tetapi saya tidak fikir saya boleh melakukannya kerana saya ingin menumpukan perhatian kepada tugas saya sebagai Pengarah Teknikal Persisi,” jelas Sheik.



Sheik: Pernah menjadi juara dunia sebanyak dua kali.